

24/02/1997

Usaha sama petrokima dimeterai bulan depan

DEWAN Undangan Negeri (DUN) Kelantan diberitahu, perjanjian projek usaha sama petrokimia antara Kerajaan Pusat dan negeri yang membabitkan perbelanjaan RM2.5 bilion di Pantai Senok, Bachok, dijangka ditandatangani Mac ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka hadir sama bagi menyaksikan majlis menandatangani perjanjian itu.

Timbalan Menteri Besar, Abdul Halim Abdul Rahman, berkata walaupun kedua-dua pihak sudah bersetuju pada dasarnya untuk melaksanakan projek itu, perjanjian secara rasmi bagi membolehkan kerja pelaksanaan dapat dijalankan, belum dapat diadakan.

Setakat ini, kedua-dua pihak sudah menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) untuk melaksanakan projek itu yang diusahakan oleh Kelaiol Sdn Bhd, sebuah anak syarikat Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) dan Koperasi Usaha Bersatu (KUB).

"Berdasarkan perjanjian, Keloil dan KUB masing-masing memiliki ekuiti 50-50," katanya menjawab soalan asal Ahmad Rusli Iberahim (BN-Salor), di persidangan Dewan, di sini semalam.

Sebelum ini, Abdul Halim yang juga Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Alam Sekitar, Sains dan Teknologi menandatangani MOU itu bagi pihak kerajaan negeri, manakala Pengerusi KUB, Datuk Hassan Harun, bagi pihak Kerajaan Pusat.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat hadir sama menyaksikan upacara menandatangani MOU, yang berlangsung di Kuala Lumpur.

Projek itu dijangka dilaksanakan secara berperingkat di kawasan seluas 20,000 hektar dan berpotensi mengeluarkan gas asli pada tahun 2000.

"Kerajaan negeri sengaja tidak menghebohkan usaha melaksanakan projek itu bagi memastikan ia berjalan lancar," katanya.

Selain itu, kerajaan negeri terpaksa menanggunghkan dahulu usaha mengambil balik tanah di kawasan itu atas arahan Perdana Menteri sendiri bagi membolehkan Kerajaan Pusat meminda Akta Pengambilan Tanah.

Menurutnya, langkah itu bagi memastikan projek berkenaan tidak membebankan rakyat, malah memberi manfaat dan pulangan menguntungkan kepada mereka.

Kerajaan negeri dijangka membelanjakan kira-kira RM9 juta untuk membayar pampasan kepada pemilik tanah di kawasan terbabit.

(END)